

DAKWAH *BIL HAL* DALAM KONTEKS MASYARAKAT SEMASA DI MALAYSIA

Azizul¹, (Mohd. Hisyam²)

¹*Azizul Azra Bin Abdul Razak*
azizulazra@gmail.com

²*Dr. Mohd. Hisyam Bin Abdul Rahim*
mdhisyam@uthm.edu.my

ABSTRAK

Dakwah merupakan sebuah program yang terancang dan boleh membawa kepada pengalaman dan penghayatan Islam dalam masyarakat. Ianya juga merupakan pengetahuan yang berhubung dengan pemahaman masyarakat tentang menyampaikan risalah agama yang mencakupi aspek *uslub*, *manhaj* dan wasiah. Dakwah *bil hal* pula merupakan sub-*manhaj* yang penting dalam pelaksanaan dakwah dalam konteks dakwah semasa samada dijalankan secara individu atau kolektif. Masyarakat adalah sasaran dalam dakwah bagi memanfaatkan risalah agama untuk kesejahteraan dan pembangunan keseluruhannya. Kepentingan pelaksanaan dakwah *bil hal* perlu dititikberatkan agar natijah pembangunan dakwah dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Kajian ini menjurus kepada penerangan berkenaan kedudukan dan peri pentingnya dakwah *bil hal* dalam konteks masyarakat Malaysia semasa.

Kata Kunci: Dakwah *bil hal*; masyarakat Malaysia semasa.

PENDAHULUAN

Pepatah Arab menyatakan *Lisan al-hal Afsah Min Lisan al-Maqal* iaitu kata-kata yang realiti (perbuatan) adalah lebih baik dari kata-kata yang diucapkan. Menurut Faisal (2013) menunjukkan dakwah *bil hal* adalah amalan yang memfokuskan usaha atau karya nyata yang boleh meningkatkan kedudukan dan kesejahteraan individu atau sesebuah kelompok masyarakat.

Ahmad Azam (2000) menjelaskan dalam konteks dakwah semasa hala tuju dakwah adalah menumpukan pembinaan sahsiah Islamiyyah, membina keluarga Islamiyyah, pembinaan masyarakat Islamiyyah, membina daulah Islamiyyah, pembinaan dunia Islamiyyah dan pembinaan khalifah Islamiyyah. Justeru kepentingan dakwah *bil hal* dalam konteks masyarakat Malaysia semasa amat perlu dititikberatkan bagi membina dan mencapai matlamat-matlamat tersebut.

Definisi Dakwah *Bil hal* Secara Umum

Dakwah telah mula menunjukkan perkembangan yang positif. Ianya dijana dari setiap lapisan samada individu, masyarakat dan organisasi kerajaan ataupun bukan kerajaan. Menurut Quraish Shihab (1992) setiap peranan mengetengahkan *uslub*, *manhaj* dan *wasilah* dakwah masing-masing.

Menerusi aspek berkenaan maka wujud satu bentuk metodologi dakwah yang dikenali sebagai dakwah *bil hal*.

Menurut Drs Samsul Munir Amin (2009) dakwah *bil hal* merupakan aktiviti dakwah Islam yang dilakukan dengan tindakan nyata atau amal nyata terhadap keperluan penerima dakwah, sehingga tindakan nyata tersebut sesuai dengan keperluan penerima dakwah. Misalnya pembinaan hospital bagi keperluan masyarakat sekitar yang memerlukan adanya hospital.

Manakala menurut Zikmal Fuad (2014) Dakwah *bil hal* merupakan salah satu cabang metodologi dakwah selain dari dakwah *bil lisan* dan *bil kitabah*. Dakwah *bil hal* adalah dakwah yang dilakukan melalui perbuatan nyata dengan berbagai-bagai bentuk kegiatan dakwah iaitu melalui bidang pendidikan, politik, kepimpinan dan sosial kemasyarakatan. Ianya merupakan satu bentuk dakwah yang boleh memberikan jawapan daripada tuntutan realiti atas keperluan yang dihadapi oleh masyarakat.

Menurut pengkaji Noor Hafizah Haridi (2016) pengertian dakwah *bil hal* merupakan gabungan dari dua perkataan iaitu dakwah dan *al-hal*. Pengertian dakwah ertinya menyeru, memanggil. Sedangkan maksud *al-hal* bererti keadaan. Jika dua kata ini dihubungkan maka dakwah *bil al-hal* mengandungi erti memanggil, menyeru dengan menggunakan keadaan, atau menyeru, mengajak dengan perbuatan nyata. Dakwah *bil hal* adalah dakwah dengan perbuatan nyata.

Pandangan seorang pemimpin pelaksana dakwah, Ali Mohammed (2016) merupakan Pengarah Bahagian Dakwah Jakim, menjelaskan pendekatan dakwah *bil hal* merupakan satu bentuk program dakwah, melibatkan pegawai dan kakitangan organisasi agama yang turun ke lapangan, mendekati secara langsung kumpulan sasar di peringkat akar umbi. Ini bertujuan supaya para pendakwah dapat menyelami permasalahan seterusnya membimbing masyarakat untuk meningkatkan tahap penghayatan keagamaan agar amalan hidup mereka adalah selari dengan kehendak Islam. Contohnya program-program dakwah *bil hal* adalah berbentuk ziarah ukhuwah dan ramah mesra diadakan bersama masyarakat samada di kalangan orang asli, saudara baru, pesakit hospital, golongan orang kelainan upaya (OKU), warga tua, pelatih pusat serenti, penghuni institusi-institusi tahanan serta pusat perlindungan dan pemulihan.

Melalui definisi yang telah diberikan seperti di atas disimpulkan bahawa dakwah *bil hal* adalah sebuah metode dakwah yang mencakupi kegiatan amal usaha dan aktiviti yang sesuai melalui bidang pendidikan, politik, kepimpinan dan sosial kemasyarakatan. Pendekatan ini dilakukan secara *fardhiah* (individu) mahupun *jamaah* (kumpulan) dengan kaedah menonjol, memperlihatkan, memperkenalkan nilai-nilai Islam secara langsung atau tidak langsung. Pendekatan lain yang dibawa oleh *da'i* seperti memenuhi keperluan individu atau masyarakat khususnya golongan yang memerlukan turut diketengahkan mengikut keperluan.

Masyarakat Semasa Di Malaysia

Menurut Kamus Dewan (2005) masyarakat semasa merujuk kepada kumpulan manusia yang hidup bersama di sesuatu tempat dengan ataurcara tertentu. Individu, keluarga dan kumpulan-kumpulan kecil merupakan anggota sesebuah masyarakat. Jaringan erat wujud dalam kalangan anggota-anggota

tersebut, khususnya melalui hubungan bersemuka. Melalui pergaulan, maka berlakulah hubungan sosial yang sifatnya berulang seperti gotong-royong, menjayakan majlis-majlis perkahwinan, menyambut hari-hari kebesaran agama dengan ziarah menziarahi, mengadakan rumah terbuka, jamuan rakyat dan sebagainya. Kekekapan perpaduan ini membina satu kesepaduan dalam masyarakat tersebut membentuk satu unit sosial.

Malaysia merupakan salah sebuah negara berbilang kaum yang dapat hidup dengan harmoni. Antara tiga kaum utama di Malaysia adalah Cina, Melayu dan India telahpun menetap di tanah ini selama 5 abad. Selain itu, Malaysia juga adalah tanah air kepada sebanyak kira-kira 80 kaum etnik yang menghuni terutamanya di Malaysia Timur. Antaranya termasuklah Baba Nyonya, Kadasan, Dusun dan Iban.

Menurut Dr. Mohd Mahzan Awang (2013) dalam penulisannya “Menghormati Sensitiviti Kaum di Malaysia”, Malaysia merupakan sebuah negara yang sering dikaitkan dengan kebijaksanaan dalam pengurusan keharmonian antara kaum. Ini adalah kerana keunikan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada tiga kaum majoriti dengan tiga agama utama. Unsur-unsur kebudayaan Melayu jelas dalam amalan Islam di Malaysia serta banyak pengaruh Islam terhadap kebudayaan Melayu. Begitu juga dengan amalan agama Buddha dan Hindu yang turut diwarnai oleh pengaruh kebudayaan Cina dan Hindu. Manakala perkataan ‘semasa’ bermaksud pada ketika, pada waktu, sedang berlaku atau bukan masa kini (sekarang).

Justeru dalam konteks dakwah perkara seperti sensitiviti perkauman dan keagamaan perlu diambil berat agar proses dakwah dapat dijalankan tanpa wujud insiden-insiden perkauman dan diselesaikan dengan *hikmah*. Kekuatan dakwah *bil hikmah* iaitu melalui metodologi dakwah *bil hal* merupakan gerak kerja terbaik yang boleh dilaksanakan dalam konteks dakwah masyarakat semasa di Malaysia buat masa kini.

Metodologi Dakwah *Bil Hal* Dalam Konteks Masyarakat Semasa

Setiap perilaku dan amalan harian para pendakwah dan umat Islam hendaklah mencerminkan kesucian Islam yang menjamin kesejahteraan dan ketenteraman sejagat. Dalam aspek dakwah *bil hal* tingkahlaku mestilah berasaskan nilai tauhid, mengikut syariat Islam, melambangkan kemurnian Islam serta berbentuk ajakan kepada kesempurnaan Islam perlu dititikberatkan oleh para pendakwah.

Ab. Aziz Mohd. Zin (2001) menjelaskan dakwah *bil hal* lazimnya dilaksanakan dalam ruang lingkup penerapan nilai-nilai Islam dalam amalan dan tatacara hidup sesuatu masyarakat. Oleh yang demikian, dakwah *bil hal* sering menumpukan usaha-usaha pembinaan akhlak baik dalam kalangan masyarakat. Misalnya, penerapan amalan bersatu padu, toleransi, nilai teladan baik, tolong menolong, menghormati orang lain dan sebagainya.

Dalam aspek dakwah semasa, proses perlaksanaan dakwah mengambil kira peranan pendakwah dalam melaksanakan dakwah *bil hal* merangkumi pembabitan peranan individu dan kumpulan (organisasi dakwah).

Individu (perseorangan)

Keterlibatan individu (perseorangan) telah menjadikan kegiatan dakwah *bil hal* ini lebih berkesan. Ianya terdiri dari kalangan masyarakat awam yang mempunyai perasaan tanggungjawab agama serta golongan profesional seperti alim ulama, guru-guru agama, pensyarah IPT dan juga pensyarah dari luar negara. Selain itu ahli-ahli jawatankuasa masjid yang terdiri dari imam dan bilal juga merupakan orang yang terpenting bertugas sebagai pendakwah di setiap mukim dan kawasan.

Menurut Zulkiflie Abd Ghani (2002) menyatakan dalam menghidupkan amalan dakwah secara *bil hal*, akhlak pemimpin adalah cermin yang memancarkan segala perilaku baik secara zahir atau tersembunyi. Sifat-sifat terpuji yang terpancar dari dalaman diri seseorang menjadi kekuatan agar pengikut menghormati dan menyanjungi pemimpinnya. Sifat seperti sabar, ringan tulang, pemurah, sanggup berkorban dan sebagainya adalah kekuatan yang perlu ada pada seorang pemimpin. Para pengikut semestinya sentiasa menilai akhlak pemimpin mereka, lebih-lebih lagi akhlak seorang yang digelar sebagai imam. Sifat-sifat negatif walaupun kecil seperti tidak menepati masa dapat mencacatkan penghormatan pengikutnya.

Manakala, tokoh-tokoh agama yang menjadi ahli badan-badan dakwah tertentu atau dikenali sebagai pendakwah bebas. Di kalangan mereka pula terdapat seseorang individu yang boleh dianggap tokoh atau contoh sebagai pendakwah yang berusaha untuk membangunkan masyarakat dari aspek kerohanian dan juga material. Menurut Abdullah Muhammad Zin dan Che Yusoff Che Mamat (2002) menjelaskan bahawa kepentingan agar sentiasa dihormati, disegani dan dipercayai merupakan faktor penting dalam dakwah iaitu melalui *qudwah hasanah* atau contoh tauladan yang baik

Dalam hal ini permasalahan yang sering dihadapi adalah pendakwah gagal dijadikan sebagai contoh tauladan dan hasilnya mengekang dan merencatkan keberkesanan penyampaian dakwah. Sebagaimana dalam penerangan berkenaan pembangunan bahawa seharusnya *syumul*, mencakupi bidang *lahiriah* dan *batiniah*, fizikal dan rohani membangun dari segala aspek. Maka seandainya pendakwah menyeru dan berusaha meningkatkan pembangunan masyarakat tetapi kehidupan sehariannya sendiri gagal dalam menunjukkan contoh sebagaimana yang disampaikan maka nisbah kegagalan dalam menyampaikan dakwah itu adalah tinggi.

Misalnya, di kalangan pendakwah sendiri yang ketinggalan dan mempunyai tahap ekonomi yang sederhana atau rendah. Ada di antara mereka yang tidak mengambil berat tentang masalah kesihatan, lebih berpegang kepada perubatan tradisional berbanding perubatan moden. Dari sudut pendidikan pula mereka tidak memberikan pendidikan yang sepatutnya kepada anak-anak mereka sehingga ada yang berhenti belajar dari tahap sekolah rendah.

Situasi dan kondisi ini tidak sepatutnya berlaku kerana berdakwah itu bukan dengan kata-kata sahaja tetapi mesti disertai amalan atau pelaksanaannya sekali. Seseorang pendakwah yang berjaya adalah yang menyeru kepada kebaikan dan menegah kemungkaran dengan ilmu dan gerak lakunya walaupun tidak dilahirkan dengan kata-kata. Justeru, menurut Taufiq Yusof (1993) penekanan dari aspek praktikal adalah merupakan model yang lebih jelas yang menyatakan kebenaran dakwahnya.

Aspek pembahagian sasaran dakwah pula, keperluan dalam mengikut kaedah yang berbeza perlu juga dititikberatkan contohnya penduduk bandar

dan kampung, bekerja atau tidak, tua atau muda, kalangan terpelajar dan berpendidikan rendah menjadi fokus perancangan dakwah yang lebih berkesan.

Kumpulan (Organisasi Dakwah)

Menurut Muhammad Saih (1995), institusi yang terlibat dalam gerakan dakwah di Malaysia dibahagikan kepada 2 iaitu badan dakwah bersifat rasmi contoh Jabatan Agama Islam, Institut Dakwah dan Latihan (INDAH), Yayasan Dakwah Islam (YADIM) dan badan dakwah yang bersifat sukarela contohnya Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Jemaah Tabligh dan IKRAM.

Setiap pertubuhan menjalankan aktiviti dakwah masing-masing sebagai contoh aktiviti dakwah *bil hal* dengan memberikan asas pendidikan kepada ahli dan juga masyarakat, kegiatan *usrah*, *tarbiyyah*, tazkirah, *rehlah* dan sebagainya. Tujuan utama adalah menuju ke arah kebaikan dan meliputi pelbagai peringkat terutamanya pembangunan *lahiriyah* daripada suasana prasekolah sehinggalah kepada peringkat penyusunan kurikulum dan pengubalan falsafah pendidikan.

Manakala aktiviti berbentuk pembangunan ekonomi, penubuhan koperasi dalam memenuhi keperluan dalam mewujudkan perniagaan di kalangan ahli. Penyediaan pelbagai skim urusan yang selaras dengan syariat. Amalan-amalan muamalat Islam dijadikan alternatif kepada sistem urusan yang berlandaskan riba. Sebagai contoh *bai' bi thamin ajil*, *murabahah*, *wakalah*, *qardul hasan*, *mudharabah*, *musyarakah*, biasiswa dan sebagainya.

Peranan masjid pula sebagai sebuah institusi Islam yang amat berfungsi dalam pembangunan masyarakat. Ianya bukan sahaja sebagai tempat ibadah malah merupakan tempat segala pusat aktiviti setiap anggota setempat. Kesimpulannya setiap individu atau masyarakat mempunyai prinsip umum untuk menegakkan agama Allah dan meletakkannya pada tempat yang sewajarnya. Peranan dalam peningkatan pembangunan perlu jelas bagi setiap institusi tersebut agar perancangan untuk sampai ke matlamat peningkatan pembangunan samada pembangunan material dan kerohanian dicapai.

Gerak Kerja dan Sasaran Dakwah *Bil hal*

Dalam konteks dakwah di Malaysia, pendekatan dakwah *bil hal* dilaksanakan dalam beberapa amalan. Ianya dilaksanakan samada secara individu (profesional atau awam) dan juga secara kumpulan (organisasi dan persatuan kerajaan dan bukan kerajaan). Pendekatan ini dikemukakan kepada masyarakat Islam atau bukan Islam sebagai sasaran dakwah. Berikut dinyatakan sasaran bagi gerak kerja dakwah *bil hal* kepada masyarakat Malaysia semasa.

Dakwah bil hal (Muslim)

Dakwah *bil hal* melalui pendekatan kepada masyarakat Muslim antara berfokus kepada kalangan generasi muda dan masyarakat yang memilih jalan

kehidupan yang menghanyutkan diri. Contohnya penyalahgunaan dadah, golongan mak nyah, HIV positif, pelacuran, wanita yang bermasalah dan golongan terpinggir dalam mengharungi arus kehidupan yang serba kompleks ini. Golongan agama perlu menjadi aktivis sosial, pendamping generasi muda dan pencegah kemungkaran menerusi metode-metode dakwah yang relevan. Apatah lagi sentiasa melaung-laungkan slogan masyarakat penyayang dan diikuti dengan amalan perlakuan yang baik sebagai contoh tauladan.

Menurut Ali Mohammad (2016) memberikan contoh program yang telah dijalankan oleh pihak JAKIM seperti Program Jalinan Mesra Dakwah *Bil hal*, Program Khidmat Sosial akan dilaksanakan dipusat-pusat strategik seperti di kawasan tumpuan orang ramai dan membeli-belah pusat bandar Kuala Lumpur (KLCC), Pasar Budaya, Mid Valley dan tempat-tempat lain yang difikirkan perlu dari semasa ke semasa. Program-program keagamaan hari kebesaran Islam yang melibatkan golongan-golongan terpinggir seperti Majlis *Israk Mikraj*, Majlis *Ihya Ramadan*, Sambutan Hari Raya *Aidil Fitri*, Sambutan Hari Raya Korban dan majlis-majlis keagamaan yang lain. Mengadakan bengkel dan seminar bersama pelbagai agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) bagi menyelaraskan program yang boleh diatur dan mencari pendekatan terbaik bagi membantu golongan terpinggir ini agar dapat membina suatu suasana kehidupan yang lebih baik.

Jalinan mesra dakwah *bil hal* dilihat sebagai manifestasi kepada usaha mendekati golongan terpinggir dalam masyarakat sivil pada hari ini. Ianya merupakan satu pendekatan dakwah yang relevan dengan situasi semasa dalam memberi pendedahan, didikan ke atas golongan tersebut. Pelbagai bentuk bantuan dan sokongan kepada golongan yang layak dan memerlukan sentiasa diberikan. Pendekatan ini juga menjadi platform terbaik bagi agensi-agensi agama dalam memperluaskan metode dakwah *bil hal* serta menjalinkan hubungan mesra dengan masyarakat awam tanpa mengira batasan agama dan bangsa.

Selain itu, dakwah *bil hal* di kalangan masyarakat Muslim juga berkaitan dengan kerabatnya, dengan jiran-jirannya dengan segala orang yang bergaul dengannya dan bermuamalah serta saling berbicara dengan mereka. Perkara yang mesti kepada seorang penyeru dakwah yang menyeru manusia ke jalan Allah, dia mesti bersifat dengan sifat seorang Muslim yang sejati supaya dia menjadi contoh teladan untuk apa yang diseru kepadanya dan dapat merealisasikan Islam dengan perkataan dan amalannya bukan hanya dengan teori sahaja.

Dalam konteks kekeluargaan pula, menurut Ridwan (2014) dakwah *bil hal* merupakan aktiviti nyata yang dilakukan terhadap keluarga yang lebih Islamik. Justeru, kepentingan aspek ini perlu dijaga agar dapat mencerminkan rumahtangga Muslim dan rumahtangga pendakwah. Ini merangkumi soal *tarbiyyah* isteri dan anak-anak agar mematuhi hukum-hukum agama seperti hukum berpakaian, ibadah-ibadah (seperti solat), makanan dan lain-lain. Aspek lain yang perlu ditonjolkan merangkumi aspek pergaulan dengan mereka dan kehidupan sebuah keluarga secara umumnya seperti mengamalkan sikap tolong-menolong, bertolak-ansur dan lain-lain. Untuk merealisasikan cita-cita dalam memperkenalkan dasar dan memperkembangkan dakwah, para pendakwah mestilah mempunyai sifat-sifat asasi dan mereka mesti beriltizam dengan satu *uslub* yang sahih dan benar dalam urusan dakwah mereka.

Menurut kajian Noor Hafizah Haridi (2016) metode dakwah *bil hal* juga sesuai di jalankan kepada kumpulan minoriti seperti golongan maknyah Muslim. Antara pendekatan dakwah yang telah dikemukakan adalah seperti membina hubungan peribadi (pergaulan), mengadakan perbincangan tentang Islam dan juga sering menziarahi sasaran dan mengadakan ziarah ke rumahnya.

Menurut Abd Aziz Mohd Zin (2001) dakwah *bil hal* menuntut ejen dakwah untuk menggunakan pendekatan psikologi kerana ianya membawa pengaruh dan kesan yang besar kepada sasaran. Ahli psikologi menyenaraikan beberapa perkara yang boleh menarik seseorang iaitu seperti sesuatu yang cantik, jelas dan nyata, pelik dan menakjubkan, berulang-ulang, bergerak dan mudah. Pendekatan ini dianggap penting memandangkan golongan sasar dalam beberapa keadaan terlalu sensitif. Justeru sebagai pendakwah yang ingin mendekati komuniti ini perlu sentiasa bersifat *hikmah*. Dalam konteks psikologi seseorang itu menjadi lebih tertarik dengan kelembutan dan panggilan yang tidak meletakkan jurang antara mereka.

Dakwah Bil hal (Non-Muslim dan Orang Asli)

Dakwah *bil hal* dalam konteks masyarakat Non-Muslim dan Orang Asli juga adalah satu kaedah yang relevan pada masa kini. Menurut Syed Abdurrahman (2010) menyatakan bahawa dakwah kepada orang Asli berlaku dengan agak serius 25-30 tahun terakhir ini. Dakwah kepada orang Asli ini dijalankan dengan lebih serius apabila jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Malaysia telah meluluskan penubuhan cawangan Dakwah Khas Orang Asli (DOA), di bawah BAHEIS, Jabatan Perdana Menteri. Ekoran dari penubuhan DOA ini diwujudkan jawatan Penggerak Masyarakat yang ditempatkan di perkampungan orang Asli bertujuan memberi pengajaran agama kepada mereka yang memeluk Islam, begitu juga bagaimana untuk memajukan diri dalam bidang kehidupan. Kepentingan dakwah *bil hal* dapat diserap jika kesanggupan pendakwah yang mampu tinggal di perkampungan orang Asli untuk memberi tunjuk ajar serta model kepada mereka dalam mempelajari dan menghayati Islam.

Cabaran bagi pendakwah adalah berkaitan dengan kepercayaan, adat resam dan kehidupan mereka yang serba mundur serta tempat tinggal yang jauh ke pedalaman di samping kekurangan kemudahan. Apa yang diperlukan oleh pendakwah adalah perlunya kemahiran, keberanian, kepintaran, ketahanan jiwa, sahsiah yang terpuji, mengambil perhatian sewajarnya, perasaan tolong menolong, persefahaman dan kerjasama sekiranya berlaku kecemasan atau kesusahan, memberikan tunjuk ajar dalam soal atau aspek agama. Kejayaan dakwah *bil hal* juga perlu turut dilaksanakan oleh masyarakat yang berjiran dengan Non-Muslim atau orang Asli yang mana ianya menjadi aset atau agen utama yang dapat membantu memudahkan usaha dakwah kepada orang Asli dalam memberi contoh mempamerkan kecantikan Islam.

Menurut Kamal Pasha Lakim (1997) metode dakwah *bil hal* (Non Muslim dan orang asli) adalah melalui:

- a. Metode kemesraan iaitu dengan penduduk orang asli tanpa menonjolkan tujuan asal iaitu mengajak kepada agama Islam,

ketelibatannya secara langsung dalam beberapa kegiatan kehidupan berupa aktiviti harian mereka.

- b. Metode mempengaruhi orang-orang yang berpengaruh seperti yang telah dilakukan oleh Rasulullah ke atas pembesar-pembesar Arab. Oleh itu *da'i* hendaklah mengambil contoh tauladan iaitu dengan terlebih dahulu mempengaruhi ketua atau orang yang berpengaruh agar dakwah yang dijalankan itu mudah diterima oleh anak buahnya yang lain.
- c. Pendekatan berkunjung atau berziarah ke rumah masyarakat setempat dan seterusnya berbual atau berbincang dengan mereka tentang masalah kehidupan harian dan seterusnya menerangkan kedudukan agama Islam yang sebenarnya tanpa menyentuh perasaan hati mereka.
- d. Metode *bil hal* (perbuatan) hendaklah ditunjukkan oleh pendakwah itu sendiri berkenaan dengan akhlak yang baik, peribadi, tutur kata, ramah tamah, sopan santun dan bijaksana dalam menghadapi segala masalah yang dibangkitkan samada secara langsung atau sebaliknya.
- e. Mengajak dengan memberi galakan kepada masyarakat melayu yang berjiran dengan Non-Muslim supaya memainkan peranan secara aktif untuk menarik minat masyarakat sekeliling ke arah mendekati Islam. Mereka diminta supaya membuat hubungan baik dengan masyarakat Non-Muslim dan menunjukkan akhlak yang luhur semasa bergaul dengan mereka.
- f. Memberi bantuan pelajar bertujuan melahirkan minat pelajar yang bukan Islam supaya mendekati Islam.
- g. Mengadakan lawatan klinik bergerak dengan kerjasama jabatan kesihatan. Program ini bertujuan untuk mempertingkatkan penjagaan kesihatan di kalangan masyarakat Islam dan Non-Muslim.

Keseluruhan metode yang digunakan menjadi lebih berkesan bagi pendakwah bergantung kepada diri pendakwah sendiri dan juga sasaran dakwah yang hendak dilaksanakan. Manakala aspek material perlu juga diambil kira semasa menjalankan operasi dakwah kerana tanpanya semua rancangan dakwah itu terhenti dan tidak dapat direalisasikan. Menurut Othman Talib (1996) Rasulullah amat perihatin terhadap hal pengurusan dalam setiap perjuangannya seluruh umat Islam bekerjasama membekalkan para pejuang dengan makanan air, perubatan, pengangkutan dan senjata. Dalam Islam jihad dengan diri (nyawa) biasanya disebut berserta dengan jihad dengan harta. Islam amat perihatin terhadap hal-hal pengurusan kerana pengurusan yang berkesan memerlukan belanjawan yang besar.

Kesimpulan

Setelah diterangkan bentuk dakwah *bil hal* melalui definisi yang konkrit oleh para pengkaji dan pengamal dakwah sebelum ini, maka jelas di sini dakwah *bil hal* dalam konteks masyarakat Malaysia semasa adalah penting. Ianya mencakupi peranan dakwah individu dan juga organisasi dakwah sebagai pelaksana. Manakala masyarakat Malaysia semasa merupakan sasaran dakwah yang terdiri dari golongan Muslim dan Non-Muslim.

Aspek yang mencakupi masyarakat Malaysia semasa merangkumi kepelbagaian agama, bangsa, adat dan budaya perlu dititikberatkan. Dalam konteks dakwah, keperluan dalam gerakan dakwah samada melalui perseorangan atau kumpulan hendaklah dijalankan agar menjadikan sebuah

masyarakat yang harmoni berteraskan kepada hukum atau tatacara kehidupan Islam. Walaupun aktiviti dakwah giat diaktifkan oleh para penggerak dakwah, tetapi natijah dari usaha tersebut dilihat agak kurang berkesan. Oleh yang demikian, kegiatan dakwah harus diperkasakan dan diperluaskan agar setiap masyarakat tidak tercicir. Selain itu para pendakwah juga haruslah menggunakan pendekatan yang efektif dan pelbagai dalam proses menyampaikan dan mengamalkan nilai-nilai Islam yang sebenar kepada segenap lapisan masyarakat Muslim atau Non-Muslim. Pendekatan dakwah *bil hal* merupakan pendekatan yang sesuai harus digunakan dalam aktiviti pelaksanaan dakwah kepada masyarakat Malaysia semasa.

Berikut di jelaskan kedudukan dakwah *bil hal* dalam konteks masyarakat Malaysia semasa dalam bentuk jadual agar memudahkan kefahaman umum perjalanan dan perlaksanaannya di Malaysia.

Jadual 1 Dakwah *bil hal* dalam konteks masyarakat Malaysia semasa

| Pelaksana | Sasaran |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1. Individu | 1. Muslim: |
| <ul style="list-style-type: none"> • Perseorangan: professional, awam, sukarelawan. | <ul style="list-style-type: none"> • Ahli Keluarga • Jiran tetangga • Masyarakat setempat |
| | 2. Non-Muslim: |
| | <ul style="list-style-type: none"> • Sahabat terdekat • Rakan sekerja |
| 2. Kumpulan | 1. Muslim: |
| <ul style="list-style-type: none"> • Prasarana: Masjid, surau, hospital, sekolah, pusat kebajikan. • Badan kerajaan, cth: JAKIM, Majlis Agama negeri dan Jabatan Agama negeri • Badan bukan kerajaan, cth: PERKIM, MACMA, PERMIM • Organisasi dakwah, cth: IKRAM, Jemaah Tabligh | <ul style="list-style-type: none"> • Saudara baru • Ahli persatuan • Masyarakat muslim • Golongan minoriti (LGBT) • Golongan keciciran (gelandangan) • OKU, Pesakit, Penghuni pusat pemulihan |
| | 2. Non Muslim: |
| | <ul style="list-style-type: none"> • Orang Asli • Masyarakat non-Muslim yang berjiran dengan Muslim • Golongan yang memerlukan |

BIBLIOGRAFI

- Dato' Hj. Ali bin Mohammed. (2016). Mesyuarat SDK Jakim Bil.8\2016, *Dakwah Bil hal Jakim*. Jakim, Putrajaya.
- Quraish Shihab, Pengembangan Dakwah *Bil hal* Dalam Rangka Pemantapan Syiar Islam, *Kertas Kerja Persidangan Ulama Negara Brunei, Republik Indonesia, Malaysia dan Singapura*, Kuala Terengganu, 21-24 Julai 1992. 4
- Faizal (2015). Dakwah *Bil hal* dalam Perspektif al-Quran. *Jurnal Ilmu Dakwah dan Perkembangan Komunitas*, Vol.VIII, No. 2, Julai. 2-4
- Noor Hafizah Haridi. (2016). Metodologi Dakwah Terhadap Golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) *Jurnal Pengajian Islam*, bil. 9 ISSN 1823-7126) UM. 110-112
- Syed Abdurahman bin Syed Hussin. (2010). Dakwah Kepada Orang Asli di Malaysia: *Permasalahan dan Halangan*, *Jurnal Usuluddin*.158-164
- Ahmad Azam Abdul Rahman. (2000). Dakwah Dalam Gerakan Islam di Malaysia dalam Ahmad Redzuan Mohd. Yunus, et.al, (ed.) *Dakwah Gerakan Islam Alaf Baru*.
- Dr Taufiq Yusuf al-Wai. (1990). *al-Nisa al-Dai'yat, Dar al-Wafa, al-Kaherah*, 133.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. (2007). *Edisi ke-empat*. Kuala Lumpur
- Dr. Mohd Mahzan Awang. (2013). Menghormati Sensitiviti Kaum di Malaysia *Utusan.com.my*
- Ab. Aziz Mohd Zain. (2001). Metodologi Dakwah. *Dakwah Bil Hal*.
- Zulkiflie Abd Ghani. (2002). Imam Dan Kepimpinan Dakwah, Bangi: *Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan*.
- Abdullah Muhammad Zin dan Che Yusoff Che Mamat. (2002). Pondok Pasir Tumbuh dan Peranannya Dalam Dakwah.
- Muhammad Saih Hj. Muhammad Daud. (1995). Peranan Pendakwah Dalam Meningkatkan Pembangunan: *Kajian Khusus di Daerah Batu Pahat*.
- Haji Kamal Pasha Lakim. (1997). Dakwah Kepada Puak Asli di Negara Brunei Darussalam: *Suatu Kajian Dari Sudut Metode, Cabaran dan Harapan*.
- Othman Talib. (1996). Pengurusan Dakwah Di Zaman Rasulullah dan Aplikasinya Kepada Pengurusan Dakwah Masa Kini.
- Samsul Munir Amin. (2009). Ilmu Dakwah, *M.A Amzah*.
- Zikmal Fuad. (2014). *Pembangunan Dakwah Semasa*.
- Dr Taufiq Yusuf al-Wa'I. (1990). *al-Nisa al-Dai'yat Li al-Taba'ah Waal-Nashr Waal-Tanzil*, Mansurah, Dar al-Wafa
- Mahmud Ali Abd Halim. (1990). *Fiqh al-Dakwah Ila Allah*. Jil. 1 Mansurah Dar al-Wafa'
- Ridwan (2014). Urgensi Dakwah *Bil hal* Dalam Membentuk Keluarga Islami Pada Masyarakat Gampong Tualang Teugoh", *STAIN*.

